

**Najib Ucap Selamat Menyambut Perayaan Onam
Bernama
28 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan selamat menyambut perayaan 'Onam' kepada masyarakat Malayalee, yang meraikan pesta menuai itu Rabu.

"Sekali lagi komuniti Malayalee di Malaysia menyambut pesta menuai dan kesyukuran Onam, perayaan istimewa yang melangkaui halangan agama.

"Saya ingin mengambil peluang ini untuk turut serta dengan warga Malaysia yang lain, mengucapkan kepada mereka "Onam Ashamsakal," kata Najib dalam posting terbaharunya di blog 1Malaysia di sini.

Beliau berkata: "Diharapkan semangat keterangkuman Onam diteruskan dan membawa kemakmuran sepanjang tahun kepada masyarakat ini dan negara kita."

Najib juga menggesa masyarakat Malayalee di Malaysia supaya terus bersama kerajaan berdasarkan "vishwasam", atau kepercayaan dalam meneruskan proses transformasi Malaysia.

Onam jatuh pada bulan pertama kalendar Chingam, Malayalam, iaitu antara Ogos dan September, dan menandakan sambutan memperingati kepulangan Maharaja Mahabali.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=690400>